

VARIASI

MAJLIS PERBANDARAN KAJANG



www.mpkj.gov.my

majlis perbandaran kajang

aduan@mpkj.gov.my

1-800-88-6755 / 03-8737 7899



Yang Dipertua MPKJ, Tuan Mohd Sayuthi Bin Bakar (kiri) ketika menerima

MIP PLANNING EXCELLENCE AWARDS 2016



Perutusan YANG DIPERTUA

Assalamualaikum dan salam sejahtera

Alhamdulillah, saya ingin mengucapkan segala kesyukuran kepada Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia dan hidayah-Nya dapat kita menerbitkan **Variasi Majlis Perbandaran Kajang** untuk Tahun 2017. Dikesempatan ini juga, ingin saya menyampaikan ucapan '**Selamat Tahun Baru**' kepada semua khususnya kepada penduduk di kawasan Pentadbiran **Majlis Perbandaran Kajang** yang selama ini telah memberikan kerjasama serta menjadikan Kajang sebagai bandar pilihan untuk didiami.

Variasi Majlis Perbandaran Kajang ini merupakan salah satu inisiatif pihak Majlis untuk menyampaikan maklumat berkaitan aktiviti yang telah dilaksanakan dari bulan Disember 2016 sehingga bulan Januari 2017. Saya berharap dengan adanya inisiatif program-program bersama penduduk dan agensi ini dapat diteruskan pada masa akan datang agar dapat memacu masyarakat ke arah kehidupan yang lebih berkualiti dengan mewujudkan komuniti yang responsif dan bertanggungjawab, sesuai dengan motto **Majlis Perbandaran Kajang** iaitu '**Beretika Kehidupan Berkualiti**'.

Sehubungan dengan itu, pihak Majlis akan sentiasa memberikan perkhidmatan yang terbaik untuk penduduk setempat dengan merancang dan memperbanyakkan lagi perkhidmatan yang sejajar dengan pembangunan yang pesat pada masa akan datang. Akhir kata, Marilah kita berusaha melakukan perubahan demi kesejahteraan penduduk selain melihat kawasan Pentadbiran **Majlis Perbandaran Kajang** terus maju ke hadapan.

Sekian. Terima Kasih.

Y.BHG TUAN MOHD SAYUTHI BIN BAKAR S.M.S
YANG DIPERTUA MAJLIS PERBANDARAN KAJANG



Sidang REDAKSI

PENAUNG
Tuan Mohd Sayuthi Bin Bakar S.M.S

PENASIHAT
Datuk Nizam Bin Sahari D.P.S.M

KETUA PENGARANG
En. Kamaruzaman Bin Salimin A.I.S., P.P.T

PEN. KETUA PENGARANG
En. Rajani Bin Rajimin

SETIAUSAHA
En. Muqni Mubarak Bin Anwar Mubarak

PEN. SETIAUSAHA
En. Mohd Khirwan Bin Abdullah

PENGARANG
Pn. Norehan Bt. Muhamad Zahidi
Pn. Suzianaliza Bt. Mohd Yunus
En. Mohd Norhazeman Bin Md Noh
Cik. Norzilawati Bt. Ismail
Pn. Subeha Bt. Mohd Saleh
Pn. Jamilah Bt. Osman
En. Awang Ali Bin Awang Sahari
En. Mohamad Razali Bin Kamaruddin
En. Muhammad Nazir Bin Awang @ Abdul Rahman
Pn. Nurul Farhanah Bt. Othman
En. Muhammad Khairul Hafizi Bin Osman
En. Azri Bin Amir
En. Faizol Bin Hatzi
En. Muhammad Izzat Bin Kamaruddin
En. Mohd Fazli Bin Idris

En. Khairul Naeim Bin Mohamed

JURUGAMBAR
En. Mohamad Zawawi Bin Baharon
En. Khairul Nizam Bin Hijad Ali

DITERBITKAN OLEH
Jabatan Korporat & Pembangunan Masyarakat
Majlis Perbandaran Kajang
Menara MPKJ, Jalan Cempaka Putih,
Off Jalan Semenyih, 43000 Kajang,
Selangor Darul Ehsan
Telefon : 03 8737 7899
Hotline Aduan : 1 800 88 6755
Faks : 03 8733 5743
Email : aduan@mpkj.gov.my





TUAN MOHD SAYUTHI BIN BAKAR
YANG DIPERTUA
 sayuthi@mpkj.gov.my



Ahli-Ahli Majlis

Majlis Perbandaran Kajang

Sesi 2016-2017



ZON 1
EN. MOHAMAD JAN B. SULONG
 019-270 4432
 mahamadjan@mpkj.gov.my



ZON 2
PN. YOUNG SYEFURA BT. OTHMAN
 016-663 4390
 ysyefera@mpkj.gov.my



ZON 3
YDH TUAN ABDUL JALIL B. DATO' ABD RANI 012-627 4365
 abdul_jalil@mpkj.gov.my




ZON 4
EN. KON WEN SIANG & LAW WEN SIANG 012-270 8680
 lawwensiang@mpkj.gov.my



ZON 5
EN. SO LIAN KIONG
 012-220 6953
 sofankiong@mpkj.gov.my



ZON 6
EN. LEONG CHIEW SING
 019-268 9321
 leongchiewsing@mpkj.gov.my



ZON 7
EN. RAMAN A/L ELANGOVAN
 016-2777657
 raman@mpkj.gov.my



ZON 8
EN. LEE LEARN ENG
 012-326 1883
 leeleameng@mpkj.gov.my



ZON 9
EN. MOHD RASHIDI B. HASSAN
 019-277 6525
 rashidi_hassan@mpkj.gov.my



ZON 10
EN. KHOO KHIM HAN
 012-412 5207
 kkhhan@mpkj.gov.my




ZON 11
EN. MAD SHAHMIOUR B. MAT KOSIM
 012-289 1910
 shahmiour@mpkj.gov.my



ZON 12
EN. THIAGARAJAH A/L RAJAGOPAL
 013-3322418
 thiagarajah@mpkj.gov.my



ZON 13
PN. PANG AI LEE
 016-391 3288
 jule@mpkj.gov.my



ZON 14
EN. VANGADESEN A/L S. MUNIANDY
 012-204 1032
 venkadesh@mpkj.gov.my



ZON 15
PN. NORZANALLA BT. MOHD FADZIL
 019-984 6606
 norzanalla@mpkj.gov.my



ZON 16
EN. ZULFIKAR ALI B. ARIFFIN
 012-273 3145
 zulfiqar_ali@mpkj.gov.my



ZON 17
EN. LAI WAI CHONG
 012-248 6060
 laiwai@mpkj.gov.my



ZON 18
EN. RAJENDRA KUMAR A/L MUNUSAMY 012-219 1535
 rajendra@mpkj.gov.my



ZON 19
PN. HAJAH ZAINUN BT. HJ. SAMAH
 017-654 1013
 zainun@mpkj.gov.my



ZON 20
PN. LIM KIM ENG
 011-1089 0862
 limkimeng@mpkj.gov.my



ZON 21
EN. MOHD SANY BIN HAMZAN
 019-611 1171
 sany@mpkj.gov.my



ZON 22
PN. HAMSATULAZURA BT. HAMZAH
 012-273 3145
 hamsatulazura@mpkj.gov.my



ZON 23
EN. HUSNI B. ABDUL MANAN
 019-650 1345
 husnimanan@mpkj.gov.my



ZON 24
EN. AHMAD B. YUSOF
 019-359 8489
 ahmadyusof@mpkj.gov.my

SUDAHKAH ANDA MEMBAYAR CUKAI TAKSIRAN?

Oleh : Mohamad Razali Bin Kamaruddin

APAKAH MAKSUD CUKAI TAKSIRAN ATAU CUKAI PINTU?

Cukai Taksiran juga dikenali sebagai Cukai Pintu yang perlu dibayar dua (2) kali setahun. Kuasa untuk mengenakan cukai taksiran atau cukai pintu adalah selaras dengan peruntukan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) di bawah Seksyen 127 yang membolehkan Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) mengenakan kadar ke atas pegangan-pegangan yang terdapat di dalam kawasan pentadbiran MPKj.

KENAPA PERLU BAYAR CUKAI TAKSIRAN ATAU CUKAI PINTU?

Ini kerana, cukai yang dikutip akan digunakan untuk membiayai kos penyelenggaraan bandar/kawasan seperti kos mengangkut sampah, membersihkan longkang, memperindahkan lanskap, membayar bil lampu jalan, menyelenggara lampu-lampu isyarat dan sebagainya.

BAGAIMANA NILAI CUKAI TAKSIRAN DIKIRA?

Jumlah cukai ini dikira berdasarkan Kadar Peratus ke atas Nilai Tahunan. Nilai Tahunan adalah "Anggaran Kasar Sewa Tahunan" yang diperolehi oleh tuan tanah/tuan rumah.

APAKAH FORMULA PENGIRAAN CUKAI TAKSIRAN?

Nilai Tahunan = Anggaran Sewa Kasar Sebulan x 12 bulan.

(Kadar Peratusan adalah ditetapkan oleh kerajaan negeri)

Jadi, Cukai Taksiran = Nilai Tahunan x Kadar Peratusan

Contoh:

Nilai Tahunan = RM5,000

Kadar Peratusan = 8.8%

*Cukai Taksiran = RM 440.00 setahun
atau RM 220.00 untuk setiap 6 bulan*

BAGAIMANA KALAU HARTANAH TIDAK DIDIAMI ATAU TIDAK MENGHASILKAN KEUNTUNGAN?

Cukai taksiran tetap juga akan dikenakan walaupun sesebuah hartanah, bangunan atau rumah itu kosong. Walaubagaimanapun, pemilik boleh memohon tuntutan remisi ke atas tempoh kekosongan dengan memberi notis bertulis kepada MPKj dalam tempoh tujuh (7) hari bermula dari tarikh bangunan itu dikosongkan.

APAKAH TINDAKAN JIKA GAGAL MEMBAYAR CUKAI TAKSIRAN?

Jika anda masih tidak membuat bayaran selepas menerima Notis (Borang E), waran tahanan akan dikeluarkan kepada anda dan kos waran sebanyak 10% ke atas jumlah tunggakan cukai akan dikenakan. Waran ini membolehkan pegawai MPKj diberi kuasa untuk melaksanakan tindakan-tindakan seperti berikut:

- Merampas atau menyita harta mudah alih yang ada di dalam bangunan
- Melelong bangunan atau tanah melalui pendaftar pelelong yang dilantik oleh pihak MPKj.

Sumber: Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171)

PROGRAM

KEBUN KOMUNITI

SEKSYEN 3, BANDAR MAHKOTA CHERAS

Oleh : Faizol Bin Hatzi

CHERAS - Pada 3 Disember 2016 (Sabtu) yang lalu, telah dilaksanakan **Program Kebun Komuniti** di kawasan lapang taman permainan Jalan Pahlawan 6/3, Seksyen 3, Bandar Mahkota Cheras. Program yang berlangsung dengan jayanya itu telah dihadiri kira-kira 100 orang penduduk dan 15 orang pegawai serta kakitangan dari **Jabatan Landskap Dan Rekreasi MPKj**. Kehadiran **Ahli Majlis MPP Zon 4, En. Law Wen Siang** sebagai tetamu khas telah menyerikan lagi program tersebut.

Menurutnya, **Program Kebun Komuniti** yang diwujudkan ini merupakan satu platform yang baik buat penduduk setempat untuk mengusahakan kebun sayuran mereka sendiri yang mana hasilnya dapat dikongsi bersama, disamping mengeratkan lagi hubungan sesama penduduk. Melalui peruntukan daripada **Program Local Agenda 21 (LA21)** di bawah seliaan Jabatan Perancangan Pembangunan MPKj, pihak majlis kini sedang giat merencanakan Program Kebun Komuniti seperti ini yang mensasarkan kepada komuniti kawasan perumahan.

Bagi tahun 2016, sebanyak 3 buah kebun komuniti telah diusahakan di bawah **Program LA21** di kawasan DUN yang berbeza. Dan sehingga kini, kebun komuniti telahpun berjaya diwujudkan di Taman Bukit Sungai Long 3A, Kajang dan Jalan 1/8, Seksyen 3, Bandar Baru Bangi selain di Bandar Mahkota Cheras ini.

Terdahulu, pelaksanaan kebun komuniti bersama penduduk ini telah dibimbing oleh pegawai dari Jabatan Landskap & Rekreasi dan melalui peruntukan yang diberi, dimana pihak **MPKj** menyediakan benih sayuran, peralatan & perkakasan tanaman, kotak tanaman, papantanda, media tanaman termasuk tanah campuran, baja, tanah hitam, pasir dan sebagainya.

Melalui pelaksanaan program seperti ini, **MPKj** amat komited dalam mewujudkan komuniti yang lestari selaras dengan misi Majlis dalam mewujudkan kediaman yang kondusif dengan menyediakan perkhidmatan perbandaran dan infrastruktur ke arah kehidupan berkualiti.



Penduduk setempat yang turut sama turun Padang bagi memberi sokongan kepada program berkenaan



Antara pegawai dan kakitangan yang terlibat pada program Kebun komuniti berkenaan.



Penduduk setempat mendengar taklimat daripada pegawai MPKj sebelum memulakan kerja penanaman



Peserta bergambar bersama selepas tamat sesi pengenalan mengenai pokok herba oleh pemilik resort.

KEMBARA HULU LANGAT 1.0

Oleh : Mohd Hadzli Bin Hamid



Reaksi peserta dan pihak media ketika mendaki Bukit Sg Lopo

Majlis Perbandaran Kajang kini berusaha mempromosikan tempat-tempat menarik yang boleh dilawati di Daerah Hulu Langat bagi memberi peluang untuk pengunjung datang beriadah. Sehubungan dengan itu, satu program **Kembara Hulu Langat 1.0** telah dilancarkan pada 17 & 18 Disember 2016 dan berlangsung di sekitar Hulu Langat, Semenyih dan Bangi.

Antara lain, program ini juga bertujuan merapatkan hubungan antara MPKj dan pengamal media. Seramai 25 pengamal media dan blogger berpeluang merasai produk pelancongan tersebut dalam program **Kembara Hulu Langat 1.0** selama dua hari.

Program ini berkonsepkan kembara santai yang membawa peserta

menikmati alam semulajadi dan juga aktiviti-aktiviti menarik di sekitar Hulu Langat. Bermula dengan hari Sabtu, peserta dibawa ke Kem Herba, mendaki Air Terjun Lepoh, Mengocak ikan, Demonstrasi Batik, Sate dan Silat. Pada sebelah malam, peserta berpeluang menikmati hidangan Nasi Ambeng.

Pada hari kedua, peserta memulakan aktiviti mendaki Bukit Broga dan berpeluang menikmati permandangan matahari terbit. Sesudah itu, peserta telah dibawa melawat ke Pusat Rawatan As-Syifa di Universiti Kebangsaan Malaysia dan mengakhiri aktiviti program di Taman Tema Bangi Wonderland. Secara keseluruhan, para peserta berpeluang menikmati keseronokan disepanjang dua hari aktiviti semasa program ini berjalan.



Para peserta dikalangan media diberi peluang untuk mewarnai sendiri batik yang telah dilukis



Keadaan Di Puncak Bukit Air Terjun Sg Lopo



KING OF MOUNTAIN 2016

Oleh : Mohd Hadzli Bin Hamid

Pada 31 Disember 2016, **Majlis Perbandaran Kajang (MPKj)** dengan kerjasama Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN), Tourism Selangor (TSSB) dan Dusun Tua Cycling Team (DTCT), telah mengadakan acara berbasikal "King Of Mountain 2016" (KOM PERAS 2016). Acara yang julung kali diadakan di daerah Hulu Langat telah menarik perhatian ramai peminat berbasikal dari dalam dan luar negara untuk menyertai KOM 2016.

Majlis Perasmian tersebut telah disempurnakan oleh **Encik Kamaruzaman Bin Salimin, Pengarah Jabatan Korporat dan Pembangunan Masyarakat MPKj** selaku wakil Yang DiPertua MPKj. Tujuan program ini dilaksanakan adalah untuk mempromosi Hulu Langat sebagai destinasi pelancongan dan juga aktiviti sukan berbasikal (Sports Tourism).

"King Of Mountain" merupakan perlumbaan berbasikal khusus mendaki bukit dimana penamat bagi acara ini akan berakhir di puncak Genting Peras berhampiran dengan sempadan Negeri Sembilan. Jarak kayuhan perlumbaan ialah sejauh 34km bermula dari BATU 18 menuju ke Sg. Tekali. Program ini juga mendapat kerjasama daripada Polis Trafik dari Ibu Pejabat Polis Kajang, Jabatan Pertahanan Awam (JPAM), Pejabat Kesihatan Daerah Kajang dan syarikat-syarikat korporat.





VISI

Bandar pilihan untuk didiami

MISI

Mewujudkan kediaman yang kondusif dengan menyediakan perkhidmatan perbandaran dan infrastruktur ke arah kehidupan berkualiti

MOTO

Beretika Kehidupan Berkualiti

LATAR BELAKANG MPKj

Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) telah ditubuhkan secara rasminya pada 1 Januari 1997. Sebelum dinaiktaraf kepada perbandaran, MPKj dikenali sebagai Majlis Daerah Hulu Langat yang mana ianya telah beroperasi sejak 1 Januari 1986 di bawah akta 171, Akta Kerajaan Tempatan 1976. Kawasan pentadbirannya meliputi Mukim Kajang, Mukim Cheras, Mukim Semenyih, Mukim Beranang dan Mukim Hulu Langat.

Rasional penubuhan MPKj adalah sebagai pihak berkuasa tempatan yang dinamik di mana dapat merancang dan membangunkan kawasan Kajang secara pesat dan teratur. Ia berikutan pertambahan penduduk di mukim Kajang yang semakin pesat dari tahun ke tahun. Selain itu, penubuhan MPKj juga adalah bersesuaian dengan banyaknya pembukaan kawasan-kawasan perumahan dan pembangunan projek mega di sekitar kawasan pentadbiran MPKj.

Majlis Perbandaran Kajang kini mempunyai beberapa rangkaian pejabat-pejabat kecil / pejabat cawangan iaitu di Bandar Tun Hussein Onn Cheras, Hentian Kajang Jalan Reko dan Kajang Sentral. Keluasan kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Kajang adalah seluas 78,761 hektar (787.61km persegi).

Majlis Perbandaran Kajang sebagai Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), sentiasa berusaha mensejahterakan hubungan dengan kerajaan pusat dan kerajaan negeri. Kementerian Perumahan & Kerajaan Tempatan adalah pemegang berkepentingan yang menyusun dasar-dasar merangkumi pelbagai aspek perancangan, pembangunan dan pengurusan untuk digunapakai oleh PBT di seluruh negara termasuk MPKj.

MPKj dan Bandar Kajang memiliki beberapa keunikan serta faktor perbezaan. Sate Kajang merupakan jenama komersil

yang terkenal di seluruh negara dan juga luar negara. Dari segi geografinya, kawasan MPKj disempadani Kuala Lumpur yang merupakan Pusat Pentadbiran Negara. Selain itu, MPKj dikelilingi oleh 3 negeri di Semenanjung iaitu Pahang Darul Makmur, Wilayah Persekutuan dan Negeri Sembilan Darul Khusus. Kawasan MPKj juga beruntung kerana di dalamnya terdapat pelbagai Institut Pengajian Tinggi yang menjadikannya berpotensi tinggi sebagai Bandar Keilmuan yang memberi manfaat kepada warganya.

YANG DIPERTUA MPKj

NAMA	TEMPOH PERKHIDMATAN
HAJI MD YUSUF BIN BADUL	16 JUN 1997 – 15 SEPTEMBER 2000
MOHD YUSOP BIN MAT JUDIN	16 SEPTEMBER 2000 – 30 SEPTEMBER 2003
TARMEDI BIN HAJI OMAR	16 JUN 1997 – 15 SEPTEMBER 2000
HAJI MUHAMMED KHUSRIN BIN HAJI MUNAWI	1 OGOS 2004 – 31 JULAI 2005
HAJI ZAINAL ABIDIN BIN ARSHAD	1 OGOS 2005 – 12 FEBRUARI 2007
DATO' HASAN NAWAWI BIN ABDUL RAHMAN	16 FEBRUARI 2007 – 16 DISEMBER 2014
MOHD SAYUTHI BIN BAKAR	16 JANUARI 2015 – KINI

ANUGERAH / PENGIKTIRAFAN MPKj

TAHUN	ANUGERAH
2000	- Sijil audit penyata kewangan 31 disember 2000
2001	- Pengiktirafan MS ISO 9002 : 1994 - Sijil audit penyata kewangan 31 disember 2001
2002	- Sijil audit penyata kewangan 31 disember 2002
2003	- Pengiktirafan MS ISO 9001 : 2000 - Sijil audit penyata kewangan 31 disember 2003
2004	- Sijil audit penyata kewangan 31 disember 2004 - Juara bola sepak SKT Peringkat Negeri
2005	- Juara bola sepak SKT Peringkat Negeri - Sijil audit penyata kewangan 31 disember 2005
2006	- Malaysia Government Portals and Websites Assessment (MGPWA)– 2 bintang - Sijil audit penyata kewangan 31 disember 2006
2007	- Malaysia Government Portals and Websites Assessment (MGPWA)– 3 bintang - Juara bola sepak SKT Peringkat Negeri - Sijil audit penyata kewangan 31 disember 2007
2008	- Sijil audit penyata kewangan 31 disember 2008 - Perbarisan maal hijrah (Tempat ke 4)

ANUGERAH / PENGIKTIRAFAN MPKj

TAHUN	ANUGERAH
2009	<ul style="list-style-type: none"> - Malaysia Government Portals and Websites Assessment (MGPWA) – 4 bintang - Pengiktirafan MS ISO 9001 : 2008 - Star rating (pengiktirafan 3 bintang kepada 4 bintang oleh Menteri Perumahan & Kerajaan Tempatan - Top 5 Online services daripada MDEC - Sijil audit penyata kewangan 31 disember 2009
2010	<ul style="list-style-type: none"> - Malaysia Government Portals and Websites Assessment (MGPWA) – 5 bintang - Johan penglibatan komuniti pertandingan Zon Bersih PBT Negeri Selangor tahun 2010 - Anugerah Khas Juri pertandingan kawad sempena ulangtahun MBPJ ke-4 - Sijil audit penyata kewangan 31 disember 2010
2011	<ul style="list-style-type: none"> - Naib johan pertandingan kawad formasi sempena ulangtahun MBPJ ke-5 - Anugerah kecemerlangan pengurusan kewangan berdasarkan indeks akauntabiliti@ tahun 2014 - 4 bintang - Malaysia Government Portals and Websites Assessment (MGPWA) – 5 bintang - Pengiktirafan MS ISO 9001 - Anugerah penarafan bintang PBT – 4 bintang - Kejayaan pelaksanaan majlis bersama jabatan tahun 2011 - Sijil audit penyata kewangan 31 disember 2011 - Johan penglibatan komuniti dan anugerah khas pertandingan Zon Bersih PBT Negeri Selangor tahun 2011
2012	<ul style="list-style-type: none"> - Anugerah Malaysia Government Portals and Websites Assessment (MGPWA) – 5 bintang - Anugerah kecemerlangan pengurusan kewangan berdasarkan indeks akauntabiliti tahun 2011 - 4 bintang - Sijil ketua audit negara penyata kewangan tahun 2012 - The Malaysia Book of Records biggest satay stick tahun 2012
2013	<ul style="list-style-type: none"> - Kerjasama membantu pembangunan projek pelaburan di Selangor - Sistem penarafan bintang (SPB-PBT) – 4 bintang - Sijil penghargaan Anugerah Bandar Mampan tahun 2013 - Sijil Audit Penyata Kewangan 31 disember 2013 - Johan penglibatan komuniti pertandingan Zon Bersih PBT Negeri Selangor tahun 2013 - Anugerah Malaysia Government Portals and Websites Assessment (MGPWA) – 5 bintang
2014	<ul style="list-style-type: none"> - Kerjasama dalam menjayakan Sistem Semakan Individu (SSMI) - Sijil Tauliah Malaysia Trustmark sektor awam tahun 2014 - The Malaysia Book of Records First Team To Cycle Across Karakoram Highway tahun 2014 - Sijil penghargaan Anugerah Bandar Mampan tahun 2014

	<ul style="list-style-type: none"> - Anugerah kecemerlangan pengurusan kewangan berdasarkan indeks akauntabiliti tahun 2014 - 4 bintang - Sijil audit penyata kewangan 31 disember 2014 - Anugerah Malaysia Government Portals and Websites Assessment (MGPWA) – 5 bintang
2015	<ul style="list-style-type: none"> - The Malaysia Book of Records – Longest Satay Line - Guinness World Record the largest holdall tahun 2015
2016	<ul style="list-style-type: none"> - Pengiktirafan MS ISO 9001 : 2015 - Sistem penarafan bintang (SPB-PBT) – 5 bintang - Persijilan amalan berkualiti 5S - MIP Planning Excellence Awards 2016 oleh Malaysian Institute of Planners - Penghargaan pelaksanaan inisiatif Pembangunan Kejurangan Hijau 2016 (Kategori Perbandaran) oleh KPPT

KELUASAN KAWASAN MPKj MENGIKUT MUKIM

Mukim	Luas
Kajang	9,298 Hektar
Cheras	5,931 Hektar
Semenyih	9,557 Hektar
Beranang	6,190 Hektar
Hulu Langat	29,448 Hektar
Hulu Semenyih	18,448 Hektar
Jumlah	78,761 Hektar


KELUASAN KAWASAN MPKj MENGIKUT MUKIM

MUKIM	2000	2007	2010	2015	2020	KPPT
Beranang	14,071	16,346	17,802	19,449	21,373	2.1
Cheras	174,198	214,466	236,165	260,503	287,877	2.2
Kajang	245,731	300,775	331,995	366,048	404,772	2.3
Semenyih	52,413	63,424	68,911	75,898	83,746	2.1
Hulu Langat	46,766	54,924	59,580	64,829	69,788	1.8
Hulu Semenyih	3,408	3,858	3,374	3,874	4,798	1.7
Jumlah	536,587	653,794	717,827	790,599	872,354	2.2



NOSTALGIA BANDAR KAJANG





BANDAR KAJANG 2017



OPERASI ROBOH DI SG LALANG, SEMENYIH

Oleh : Nurul Farhana Bt. Osman

MPKj, Jabatan Kawalan Bangunan dengan kerjasama Pejabat Tanah Daerah Hulu Langat (PTDHL), Lembaga Urus Air Selangor (LUAS), Jabatan Pengairan dan Saliran cawangan Hulu Langat (JPS), Syarikat Bekalan Air Selangor cawangan Hulu Langat (SYABAS), Tenaga Nasional Berhad cawangan Bangi (TNB) serta dibantu oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah berjaya melaksanakan operasi roboh bersepadu bertempat di Sg Lalang, Semenyih. Operasi roboh ini adalah melibatkan pembinaan kilang-kilang dan binaan tanpa kebenaran pihak berkaitan dengan isu pencemaran sungai yang berlaku di Sg. Semenyih pada 7 Oktober 2016.

Operasi roboh secara bersepadu ini telah berlangsung pada tarikh 7hb, 15hb, 20hb, dan berakhir pada 21hb. Disember 2016. Sebanyak 4 kilang/binaan tanpa kebenaran telah dirobohkan. Semakan Jabatan Perancangan Pembangunan, **MPKj** dan JPS mengesahkan bahawa tapak-tapak kilang berkenaan merupakan sebahagian rezab sungai dan pemunya telah menceroahi tanah berkenaan tanpa kebenaran dari pihak berkuasa tempatan dan penguasa tanah. Susulan itu, satu inventori telah dijalankan oleh **MPKj** dengan kerjasama PTDHL bagi mengesan binaan/kilang tanpa kebenaran yang dibina di atas sepanjang rezab sungai. Tindakan operasi roboh secara bersepadu ini telah berjalan dengan lancar tanpa provokasi dan halangan dari pihak luar.

Tindakan ini adalah perlu bagi mengekang binaan/kilang tanpa kebenaran didirikan tanpa

kebenaran bertulis dari pihak berkuasa tempatan dan penguasa tanah. Pihak-pihak yg didakwa di bawah Seksyen 70 (1) Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) dan Seksyen 425 (1) Kanun Tanah Negara 1965 yang membawa kepada arahan untuk mengosongkan tanah kerajaan atau rezab awam. Pihak pentadbiran tidak bertanggungjawab ke atas kerosakan atau kehilangan apa-apa harta alih semasa operasi perobohan dijalankan dan tiada apa-apa pampasan yang dibayar kepada pemunya. **MPKj** akan meneruskan komitmennya di dalam melaksanakan tindakan undang-undang dan akta yang digunapakai.



Pegawai daripada beberapa Jabatan MPKj yang terlibat pada operasi pemeriksaan terhadap premis dan kilang-kilang di sepanjang Sungai Semenyih

OPERASI MENANGANI GEJALA SOSIAL & KEMPEN AMAN DI BAWAH PROGRAM

GENERASI IDAMAN SELANGOR (GEMS) 2016

Oleh : Azri bin Amir

Satu operasi bersepadu bagi menangani gejala sosial di bawah program **GEMS** telah diadakan pada 23hb. Disember 2016 yang lalu. Operasi telah bermula jam 9.00 malam dan ditamatkan pada jam 6.00 pagi 24hb. Disember 2016. Operasi tersebut melibatkan pelbagai agensi antaranya **Jabatan Penguatkuasaan Majlis Perbandaran Kajang**, Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), Pejabat Tanah Daerah Hulu Langat (PTDHL), Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Imigresen Malaysia. Operasi yang diketuai oleh pihak JAIS itu menyasarkan premis-premis rumah urut dan hotel bajet di sekitar daerah Hulu Langat.

Hasil dari operasi, sebanyak 3 premis rumah urut dan 7 premis hotel bajet telah diperiksa. Dalam pemeriksaan yang telah dijalankan di premis rumah urut, seramai 4 orang warga asing yang dipercayai tiada dokumen perjalanan diri yang sah telah ditahan oleh pihak Jabatan Imigresen untuk diambil tindakan lanjut. Satu



kompaun di bawah **Undang-Undang Kecil Pusat Kecantikan dan Penjagaan Kesihatan (MPKJ) 2007** telah dikeluarkan terhadap rumah urut yang beroperasi tanpa lesen.

Manakala pemeriksaan di beberapa hotel bajet telah berjaya menahan 6 pasangan bukan muhrim yang dipercayai melakukan aktiviti yang tidak bermoral. Tindakan penahanan tersebut dilakukan oleh pihak Jabatan Agama Islam Selangor dan dibawa ke ibu pejabat JAIS untuk tindakan lanjut.

Operasi seperti ini akan dijalankan dari masa ke semasa oleh agensi-agensi yang terlibat untuk memastikan tiada aktiviti-aktiviti yang tidak bermoral ini dari terus berleluasa. Kerjasama dari orang awam juga adalah diharapkan agar dapat menyalurkan sebarang maklumat aktiviti tersebut untuk diambil tindakan oleh agensi yang terlibat.

Pekerja Terbaik Bulan : NOVEMBER 2016

BIL	NAMA	JAWATAN	JABATAN
1.	KRISHNAMOORTHY A/L MARI MUTHU	PEMBANTU AWAM	KHIDMAT PENGURUSAN
2.	NORANIZA BINTI OTHMAN	PENOLONG JURUTERA	KEJURUTERAAN
3.	MOHD SHARIFUDDIN BIN ABDUL AZIZ	PENOLONG AKAUNTAN	PERBENDAHARAAN
4.	MASYADI BIN MUSTAR	PEMBANTU OPERASI	PERANCANGAN PEMBANGUNAN
5.	BAISURINA BINTI BURHANUDDIN	PEMBANTU TADBIR	PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA
6.	MUHAMMAD AMIN BIN SAMSUL BAHRIN	PEGHANTAR NOTIS	UNDANG-UNDANG
7.	SHAMSURI BIN SHAMSUDIN	JURUTEKNIK AWAM (KUP)	KAWALAN BANGUNAN
8.	SURIA BINTI SHAMSUDIN	PEMBANTU TADBIR (KANAN)	LANDSKAP DAN REKREASI
9.	SITI NOREHA BINTI DATO' ABD. RANI	PEMBANTU TADBIR (KUP)	PELESENAN DAN PENJAJA
10.	K YOGESWARAN A/L KHARDAN	PEMBANTU KESIHATAN AWAM	PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN PEMBERSIHAN AWAM
11.	MUHAMMAD ZULHILMI BIN JAFARI @ ADNAN	PEMANDU	UNIT PUSAT SETEMPAT (OSC)
12.	LEELA A/P VEERIYAH	PEMBANTU OPERASI	PESURUHJAYA BANGUNAN (COB)
13.	MOHD ALIZAM BIN ALI	PENOLONG PEGAWAI TADBIR	PERANCANGAN KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM
14.	SUZANA BINTI SHAMSUDIN	PENOLONG PEGAWAI TADBIR (KANAN)	PEMBANGUNAN MASYARAKAT
15.	SHAHARIN BIN SHAMSUDDIN	PEMBANTU PENGUATKUASA	PENGUATKUASAAN
16.	-	-	UNIT AUDIT DALAM



Pekerja Terbaik Bulan : DISEMBER 2016

BIL	NAMA	JAWATAN	JABATAN
1.	ABBAS ALI BIN MEERA HUSSAIN	PEGAWAI PENOLONG TADBIR	KHIDMAT PENGURUSAN
2.	SHAHARIZ BIN SHAMSUDDIN	PEMBANTU AWAM	KEJURUTERAAN
3.	NOORLEAWATI BINTI ZAINAL ABIDIN	PENOLONG AKAUNTAN (KANAN)	PERBENDAHARAAN
4.	SITI NORIYATI BINTI PAKIN	PEN. PEGAWAI PERANCANG BANDAR	PERANCANGAN PEMBANGUNAN
5.	KAMARUL IZLAN BIN SULAIMAN	PEGAWAI TADBIR	KORPORAT DAN PEMB. MASYARAKAT
6.	NAQIYUDDIN BIN JAUHARI	PEMBANTU PENILAIAN	PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA
7.	HARTINI BINTI MUSTAFFA	PEN. PEGAWAI UNDANG-UNDANG	UNDANG-UNDANG
8.	NOR JULIANA BINTI ABD GHANI	PEKERJA SAMBILAN HARIAN	KAWALAN BANGUNAN
9.	MUHAMAD NOR SHAFIQ BIN ABDUL LATIB	PEMBANTU AWAM	LANDSKAP DAN REKREASI
10.	NURUL IZZATI BINTI HAMAM	PEKERJA SAMBILAN HARIAN	PELESENAN DAN PENJAJA
11.	ZURAIDAH BINTI OSMAN	PEN. PEG. KESIHATAN PERSEKITARAN	PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN PEMBERSIHAN AWAM
12.	THAMOTHARAN A/L MANOKARAN	PEMBANTU OPERASI	UNIT PUSAT SETEMPAT (OSC)
13.	NADIAH BINTI RAZALI	PENOLONG AKAUNTAN	PESURUHJAYA BANGUNAN (COB)
14.	ARBAYA BINTI LASAING	PEMBANTU JURUAUDIT	UNIT AUDIT DALAM
15.	NORHANITA BINTI MOHD AMRAN	PEMBANTU PENGUATKUASA	PENGUATKUASAAN



JABATAN LANDSKAP & REKREASI TERIMA 11 UNIT JENTERA & KENDERAAN BARU

Oleh : Faizol Bin Hatzri

Sejajar dengan misi **Majlis Perbandaran Kajang** dalam mewujudkan kediaman yang kondusif dengan menyediakan perkhidmatan perbandaran dan infrastruktur ke arah kehidupan berkualiti, Jabatan Landskap Dan Rekreasi kini mengorak langkah dalam memantapkan operasi kerja-kerja penyelenggaraan landskap di dalam kawasan pentadbiran Majlis. Baru-baru ini, secara rasminya pihak jabatan telah menerima 11 unit jentera dan kenderaan baharu bagi kegunaan operasi Bahagian Penyelenggaraan Landskap. Penyerahan jentera dan kenderaan secara berperingkat itu telah dikendalikan oleh Unit Mekanikal, Jabatan Kejuruteraan dan merupakan peruntukan secara pinjaman oleh Kerajaan Negeri Selangor. Jadual di bawah menunjukkan senarai jentera dan kenderaan baharu yang diterima secara berperingkat.

Bil.	Jenis Kenderaan / Jentera	Nombor Pendaftaran	Tarikh Penerima
1.	Lori FUSO MITSUBISHI Tail Lift	BNV 8790	19/08/2016
2.	Lori FUSO MITSUBISHI Tail Lift	BNV 8791	19/08/2016
3.	Lori Rigid HINO Roll On Roll Off (RORO)- 5 tan	BNW 7842	26/09/2016
4.	Lori Rigid HINO Roll On Roll Off (RORO)- 7 tan	BNX 2653	26/09/2016
5.	Lori Tangki Rigid-Air HINO	BNX 8275	26/09/2016
6.	Lori ISUZU Mobile Aerial Platform (Skylift)	BPA 4203	30/11/2016
7.	Lori ISUZU Mobile Aerial Platform (Skylift)	BPA 4207	30/11/2016
8.	TOYOTA Hilux D/CAB 2.4G (A) 4X4	BPA 7368	30/11/2016
9.	MORBARK Wood Chipper Beaver M12R	T/BE 3695	30/11/2016
10.	MORBARK Wood Chipper Beaver M12R	T/BE 3696	30/11/2016
11.	MORBARK Wood Chipper Beaver M12R	T/BE 3697	30/11/2016



Dengan penerimaan jentera dan kenderaan baharu ini, diharapkan pihak Jabatan Landskap Dan Rekreasi dapat mempertingkatkan kualiti dan keefisienan kerja-kerja penyelenggaraan landskap dengan lebih menyeluruh dan cemerlang. Ini berlandaskan **Pelan Strategik Majlis Perbandaran Kajang 2015-2020** yang mana ianya bertepatan dengan Teras Strategik 4 - Menyediakan Perkhidmatan Perbandaran Berkualiti iaitu Mempertingkatkan Kualiti Pengurusan Kemudahan Rekreasi Dan Penyelenggaraan Landskap.





Pegawai dan kakitangan membaca ikrar Perkhidmatan Awam pada perhimpunan pagi MPKj



Yang Dipertua MPKj Tuan Mohd Sayuthi Bin Bakar ketika menyampaikan ucapan pada perhimpunan pagi.



PERHIMPUNAN PAGI

Oleh : Norhazeman Bin Md Noh

Kakitangan **Majlis Perbandaran Kajang** perlu menerapkan budaya kerja beretika dan berintegriti dalam apa jua tugas yang diberikan serta patuh kepada peraturan dan undang-undang yang telah ditetapkan.

Yang Dipertua MPKj, Tuan Mohd Sayuthi Bin Bakar dalam ucapannya berkata, *"Budaya etika dan integriti amat penting dalam sesebuah organisasi kerana ia akan memastikan pelaksanaan apa jua program serta matlamat dapat dicapai dengan baik serta beretika."*

Menurutnya lagi, objektif pelaksanaan integriti perlu dicapai di kalangan penjawat awam dengan memberikan bimbingan, meningkatkan kesedaran, menggalakkan semangat bertanggungjawab dan menyumbang kepada usaha pengukuhan asas moral masyarakat dan negara.

Perhimpunan Majlis perbandaran Kajang yang kali pertama diadakan untuk tahun 2017 ini telah berlangsung pada 11 Januari 2017 bertempat di **Menara MPKj**. Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta telah diberi tanggungjawab untuk menjadi hos pada perhimpunan kali ini.

Selepas selesai ucapan Pengarah Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta dan ucapan **Tuan Yang Dipertua MPKj** acara diteruskan dengan penyampaian sijil serta cenderahati kepada calon penerima anugerah pekerja cemerlang bulanan. Diharapkan dengan pengiktirafan berkenaan dapat menaikkan lagi semangat kerja khususnya pada kakitangan **Majlis Perbandaran Kajang**.

DATARAN CERGAS KAJANG

Perancangan untuk membina Stadium Kajang bermula pada sekitar tahun 1974. Pembinaan stadium yang berkeluasan kira-kira 2.14 hektar ini melibatkan beberapa syarikat kontraktor yang diketuai oleh Jabatan Kerja Raya Daerah Hulu Langat. Pembinaan stadium ini adalah berpandukan kepada pelan Stadium Pekan Banting yang terletak di Kuala Langat dengan pembinaan trek sepanjang 400 meter.

Pada tahun 2010, Stadium Kajang telah menjalani satu transformasi dimana ia telah ditukarkan kepada nama Dataran Kajang. Dataran Kajang ini telah diwujudkan untuk memberi lebih banyak ruang dan keselesaan kepada penduduk di sekitar Kajang menjalankan aktiviti riadah, serta berhasrat menjadikan Kajang sebuah bandar yang mempunyai penduduk yang aktif.

Dataran Kajang kemudiannya telah melalui proses penjenamaan semula dengan menamakannya **Dataran Cergas Kajang** pada tahun 2014. Inisiatif ini diteruskan lagi bagi memberi kesedaran tentang manfaat dan kepentingan menjaga kesihatan menerusi aktiviti sukan dan kecergasan.

Ramai pengunjung yang datang ke **Dataran Cergas Kajang** amat tertarik dengan suasana dan persekitaran dataran kerana lokasinya yang terletak di tengah-tengah Bandar Kajang. **Dataran Cergas Kajang** yang agak 'suram' pada waktu malam mula menjadi tumpuan masyarakat setempat untuk menjalani pelbagai aktiviti riadah dan bersukan. Majlis Perbandaran Kajang selaku Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang mengawal selia **Dataran Cergas Kajang** ini sentiasa menyediakan kelengkapan dan perkhidmatan bagi menarik minat pelbagai lapisan masyarakat melakukan aktiviti riadah.

KAUNTER BAYARAN

BAHAGIAN HASIL

Oleh : **Jamilah Bt Osman**

Pelanggan yang telah mendapatkan bil lesen dari Jabatan Pelesenan dan Penjaja mula memenuhi kaunter bayaran Bahagian Hasil untuk menjelaskan bayaran bil lesen.

Walau bagaimanapun terdapat satu kaunter bayaran tambahan telah dibuka di Jabatan Pelesenan dan Penjaja mulai 19 Disember 2016 sehingga 28 Februari 2017 untuk memudahkan pelanggan membuat bayaran lesen. Kaunter tersebut hanya dibuka pada hari bekerja mulai jam 9.30 pagi sehingga jam 4 petang.



ANUGERAH & PENGHARGAAN



**MIP PLANNING
EXCELLENCE AWARDS 2016**



MALAYSIAN INSTITUTE OF PLANNERS



**PENGHARGAAN PERLAKSANAAN INISIATIF
PEMBANGUNAN KEJIRANAN
HIJAU 2016**



KEMENTERIAN PERUMAHAN
KERAJAAN TEMPATAN




PROGRAM EDAR RISALAH KEMPEN CEGAH JENAYAH (LA21)
23 DISEMBER 2016
PLAZA KASTURI BALAKONG



FORUM PERDANA SEMPERNA SAMBUTAN 20 TAHUN MPKJ
20 JANUARI 2017
MASJID BANDAR SERI PUTRA BANGI



FUTSAL PIALA YANG DIPERTUA 2016
31 DISEMBER 2016
GALAXY FUTSAL SEK. 15 B.B.BANGI



MESYUARAT JAWATANKUASA SIASATAN TEMPATAN
DAN PENDENGARAN RT MPKJ (PENGUBAHAN 4) 2020
17 JANUARI 2017
MENARA MPKJ



PERARAKAN MAULIDUR RASUL 1438H
PERINGKAT NEGERI SELANGOR
12 DISEMBER 2016
STADIUM MELAWATI SHAH ALAM



KURSUS JATI DIRI & RIADAH MPKJ 2016
20 DISEMBER 2016
SUNGAI CONGKAK HULU LANGAT



LAWATAN DARIPADA MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR
26 JANUARI 2017
MENARA MPKJ



LAWATAN DARIPADA MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT
22 DISEMBER 2016
MENARA MPKJ



selangorku

KEMPEN PENGURANGAN PENGGUNAAN **BEG PLASTIK DAN POLISTERIN** DI NEGERI SELANGOR

Anjuran : Jawatankuasa Tetap Alam Sekitar & Hal Ehwal Pengguna



HARI BERTEMU PELANGGAN

SETIAP ISNIN MINGGU PERTAMA
DI LOBI MENARA MPKj
JAM 9.00pagi - 12.00 tengahari



Orang ramai dijemput untuk turut sama menyampaikan aduan atau cadangan kepada MPKj